

10/11/1998

Enjin prototaip pertama detik bersejarah: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia melangkah setapak lagi ke arah membangunkan industri automotif yang kompetitif apabila menghasilkan enjin automotif prototaip pertama di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata projek pembangunan enjin komersil berkenaan adalah satu detik penting bagi Malaysia dalam usaha memainkan fungsi bermakna dalam industri automotif sejajar hasrat menjadi negara maju menjelang 2020.

"Kita berjaya menghasilkan kereta nasional sendiri yang kini boleh dilihat bukan saja di jalan raya Malaysia, tetapi juga di beberapa negara asing.

"Walaupun sebahagian besar komponen yang digunakan dalam pengeluaran kereta Proton dihasilkan dalam negara, satu daripada komponen penting iaitu enjin masih diimport.

"Memandangkan kita mula memajukan keupayaan merekabentuk dan membina enjin, kini kita telah bersedia untuk terus maju dan membangun serta mengeluarkan enjin komersil," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada perutusan dalam buku cenderamata sempena pelancaran enjin berkenaan dengan tema "Satu lagi kemajuan Sejarah Automotif Malaysia" di sini, malam ini.

Pada majlis itu, Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, mewakili Perdana Menteri melancarkan enjin prototaip pertama ciptaan 15 jurutera anak Malaysia.

Ciptaan berkenaan adalah hasil pembabitan Petronas dalam Formula 1, satu langkah yang diambil Petronas untuk memperkenalkan jenama syarikat dan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Hadir sama, Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin serta Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican.

Dr Mahathir turut bangga kerana Petronas menghasilkan enjin berprestasi tinggi itu dalam tempoh kurang dua tahun.

"Ini adalah satu prestasi mengagumkan. Ini menjadi bukti keupayaan jurutera Malaysia untuk belajar, menyerap dan menyesuaikan diri dengan teknologi baru.

"Pencapaian ini menjadi satu petanda baik bagi Malaysia ketika negara melangkah ke alaf akan datang," katanya.

(END)